

## PERLAKSANAAN ETIKA KERJA ISLAM: PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KEWARTAWANAN ISLAM MEDIA ARUS PERDANA DAN ALTERNATIF

MOHAMAD KHADAFI HJ ROFIE  
ZAINAL MD ZAN  
MOHD HILMI HAMZAH  
KAMARUDIN NGAH  
SHUKRI AHMAD

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

### Abstrak

Dalam suasana amalan kewartawanan hari ini, pelbagai tohmahan dan aduan mengenai reputasi wartawan sering menjadi topik persoalan. Kadangkala wartawan dianggap umpama boneka yang sering menjadi bahan permainan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini berlaku kerana sifat tamak untuk mengaut keuntungan dan kesenangan bagi sebelah pihak sahaja tanpa menghiraukan etika kerja yang sebenar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman perlaksanaan etika kerja Islam dan perlaksanaannya terhadap kepuasan kerja di kalangan wartawan Islam media arus perdana dan alternatif. Metodologi kajian menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik di mana sampel yang diambil sebanyak 221 orang responden yang terdiri daripada masyarakat sekitar negeri Kedah. Hasil dapatan kajian berdasarkan persepsi masyarakat terhadap tahap pemahaman mengenai etika kerja Islam di kalangan wartawan media arus perdana dan alternatif tidak menunjukkan perbezaan di mana responden menyatakan tahap yang sederhana. Namun dari sudut tahap kepuasan responden terhadap wartawan media arus perdana dan alternatif menunjukkan responden menyatakan tahap kepuasan yang tinggi terhadap etika kerja di kalangan wartawan Islam media alternatif berbanding media arus perdana responden menyatakan tahap etika kerja di kalangan wartawan tersebut masih berada di tahap yang sederhana. Secara rumusannya dapatlah disimpulkan bahawa pihak atasan daripada media arus perdana dan alternatif haruslah peka dengan keadaan ini di mana dilihat kepada dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman terhadap perlaksanaan etika kerja Islam di kalangan wartawan Islam media arus perdana dan alternatif berada di tahap sederhana. Begitu juga tahap kepuasan responden terhadap wartawan Islam media arus perdana terutamanya menunjukkan tahap sederhana. Jika dibiarkan ianya akan menyebabkan kerugian kepada premis kerana amalan kerja amat penting dalam Islam untuk menarik pelanggan dan meningkatkan lagi kebolehpercayaan masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan.

**Kata kunci:** *Etika kerja islam, wartawan, media arus perdana, media alternatif.*

## IMPLEMENTATION OF ISLAMIC WORK ETHICS: PUBLIC PERCEPTION OF PRIME AND ALTERNATIVE ISLAMIC MEDIA JOURNALISM

### Abstract

In the atmosphere of the practice of journalism today, the various allegations and complaints about the reputation of journalists often become the topic of the question. Sometimes journalists are often considered like a doll into a game of some irresponsible. This happened because of greed for profit and pleasure for one side regardless of the real work ethic. Therefore, this study aimed to identify the understanding of the implementation of Islamic work ethics and its implementation on job satisfaction among Muslim journalists and alternative media mainstream. The research methodology using a survey method using a questionnaire in which samples are taken from 221 respondents from communities around the state. The findings based on the public perception of the level of understanding of Islamic work ethics among journalists in the mainstream media and the alternative does not indicate a difference in which respondents expressed a moderate level. But from the point of satisfaction level of respondents to the mainstream media journalists and alternative shows respondents expressed high level of satisfaction with the work ethics among journalists of the alternative media than the mainstream media of respondents said the level of work ethics among journalists is still at a moderate level. In summary it can be concluded that the higher authorities of the mainstream and alternative media should be aware of this situation in which views on the findings showed that the level of understanding on the implementation of Islamic work ethics among journalists of mainstream and alternative media are at a moderate level. Similarly, respondents' level of satisfaction of mainstream media reporters, especially shows a moderate level. If left unchecked it will cause damage to the premises as work practices is very important in Islam to attract customers and improve the reliability of the information presented.

**Keywords:** *Islamic work ethic, journalists, media mainstream, alternative media.*

### PENGENALAN

Dewasa kini, usaha melahirkan wartawan tawaduk yang tunduk kepada halal dan haram agak sukar untuk direalisasikan lebih-lebih lagi pada abad yang ke 20. Pergerakannya yang agak perlahan dalam membentuk kewartawanan Islam semakin menjadikan bidang ini dicemari dengan pelbagai paparan dan amalan yang tidak beretika. Berbanding dalam period negara kita belum mencapai kemerdekaan, ramai wartawan yang betul-betul tawaduk dan sentiasa menyampaikan berita yang benar bukan mementingkan keuntungan atau populariti semata-mata yang kebanyakannya terdiri dari wartawan yang lahir dari kalangan ulama (Zulkiple & Mahasin, 2011). Mereka ini bukan sahaja mengetahui selok-belok tentang kewartawanan malah begitu

arif dan bergiat aktif dalam dunia media cetak. Antara tokoh bapa-bapa kewartawanan Islam Malaysia yang diketengahkan oleh H.M Tuah (1990) seperti Syeikh Muhammad Tahar, Haji Abbas bin Muhammad Taha, Dato' Haji Muhammad Said, Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, Kiyai Muhammad Fadhillah Suhaimi dan Syeikh Idris al-Marbawi (Zulkiple & Mahasin, 2011).

Sekiranya dibuat perbandingan dengan bidang yang mengamalkan prinsip dan etika Islam sekarang ini, sebagai contoh bidang perbankan, terlalu besar jurang yang wujud antara dua bidang ini. Pada hari ini juga, dapat dilihat sistem perbankan mengikut syariah telah berjaya dilaksanakan sehingga dapat memberi pengaruh yang besar ke atas perbankan konvensional yang akhirnya menawarkan produk-produk Islam dalam institusi mereka.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak dirasai oleh orang surat khabar iaitu orang media seperti wartawan itu sendiri. Istilah ‘Kewartawanan Islam’ sangat jauh untuk dicapai dan dilaksanakan sekiranya tidak dimulakan oleh wartawan itu sendiri serta menjadi amalan dalam dunia kewartawanan sejarah dengan kehendak Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu, elemen penting yang perlu ada dalam melaksanakan misi ini adalah dengan patuh kepada etika kerja yang berlandaskan kepada Islam semata-mata. Dalam menjalankan sesuatu tugas pekerjaan, aspek-aspek etika kerja perlulah diberi perhatian kepada pekerja bukan sahaja kepada organisasi tetapi juga untuk membantu membangunkan negara dan menjadikan sebuah negara yang maju berlandaskan nilai etika kerja yang berkesan.

## PENYATAAN MASALAH

Bekerja sebagai wartawan merupakan suatu kerjaya yang amat sukar dilaksanakan. Hal ini kerana, mereka bukan hanya menjalankan kerja sebagai suatu ibadah tetapi tugas yang paling besar adalah untuk memikul amanah *amar ma‘aruf nahi mungkar* yang berat untuk dilaksanakan.

Isu mengenai kewartawanan apabila dikaitkan dengan etika kerja amatlah penting kerana wartawan memainkan peranan yang penting kepada masyarakat dalam memaparkan kebenaran sesuatu maklumat. Kesahihan sesuatu maklumat itu amat penting kepada masyarakat. Disebabkan itulah kewartawanan harus mempunyai nilai etika kerja yang berlandaskan Islam. Hal ini kerana kerjaya sebagai wartawan ini amat sukar dilaksanakan

Banyak isu-isu sekarang ini menyatakan wartawan hari ini banyak memaparkan paparan berita yang mengelirukan atau tidak tepat kepada masyarakat dan masing-masing saling menuduh antara satu sama lain ada yang menyatakan media arus perdana menyampaikan berita yang betul dan ada juga yang menyatakan kesahihan berita diragui dan tidak jujur begitu juga dengan media alternatif. Menurut (Zulkiple & Mahasin, 2011), pada masa kini wartawan di kalangan Islam kebanyakan bukan di kalangan mereka yang mendalami ilmu agama atau bergelar ulama berbanding

wartawan terdahulu. Di sebab itu lahir wartawan yang tidak beretika dengan menulis berita palsu dan tidak benar. Perkara tersebut turut di sokong oleh Faridah (2003), perkembangan pesat dunia persuratkhabaran kini tidak pula diiringi oleh peningkatan kualiti pengamal media terutamanya dari segi kepatuhan kepada etika kewartawanan, pengamatan fungsi dan peranan wartawan itu sebagai penyalur maklumat dan agen kepada perubahan. Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Nor Adzrah, Suria Hani dan Fauziah (2012) dalam suasana amalan kewartawanan hari ini, pelbagai tohmahan dan aduan mengenai reputasi wartawan sering menjadi topik persoalan. Kadangkala wartawan dianggap umpama boneka yang sering menjadi bahan permainan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini berlaku kerana sifat tamak untuk mengaut keuntungan dan kesenangan bagi sebelah pihak sahaja tanpa menghiraukan etika kerja yang sebenar.

Hal ini mendorong pengkaji untuk mengkaji sejauh mana kebenaran tersebut tentang pelaporan berita yang disampaikan oleh kedua-dua media tersebut berdasarkan kepada persepsi masyarakat. Mungkinkah kerana mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh polisi organisasi tersebut. Ataupun mereka ingin mencari populariti atau melariskan jualan media mereka. Jika perkara itu betul-betul berlaku ini bermakna nilai etika kerja mereka tidak ada sama sekali jika dilihat dari sudut Islam. Hal ini kerana Islam mementingkan sesuatu kerja tersebut dengan bertanggungjawab dan kebenaran. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang tahap kefahaman dan kepuasan kerja masyarakat terhadap perlaksanaan etika kerja Islam yang diamalkan oleh wartawan Islam.

## **WARTAWAN DAN ETIKA KERJA DARI SUDUT PERSPEKTIF ISLAM**

Wartawan bermaksud individu yang ditugaskan untuk mendapatkan maklumat untuk disampaikan kepada khalayak. Daripada sudut pandangan Islam, wartawan bermaksud seorang pendidik, pendakwah dan pemimpin (Mashitah, 2009). Menjadi seorang wartawan perlulah mempunyai etika dan cara kerja yang betul yang harus di dokong dan diamalkan. Walaupun wartawan menghadapi kesukaran, kesusahan atau apa jua bentuk ujian dalam usaha mendapatkan kebenaran berita namun dalam Islam dianggap jihad dan diberi ganjaran oleh Allah S.W.T. jika sesuatu penyebaran mengikut syariahnya (Nik Yusri, 2009). Ini kerana Islam sebagai agama yang syumul sentiasa menganjurkan setiap umatnya mengamalkan cara hidup yang beretika serta mematuhi prinsip kehidupan Islam yang sebenar yang mencakupi setiap aspek kehidupan (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012).

Etika secara umumnya bermaksud moral, iaitu tentang kelakuan yang baik, kewajipan moral, sikap moral, tanggungjawab moral, keadilan sosial dan ciri-ciri kehidupan yang baik (Grassian, 1981). Dari segi etika berkaitan dengan kerja secara umumnya bermaksud tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat. Seseorang anggota perkhidmatan awam berkewajiban memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam

kerajaan (INTAN, 1991). Menurut Shukri dan Razali (2001), di dalam Islam, etika dilihat dalam dua fahaman yang berbeza iaitu fahaman rasionalisme yang diwakili oleh Mu'tazilah dan fahaman tradisionalisme yang diwakili oleh Asy'ariyah. Wujudnya perbezaan ini sukar untuk dinafikan kerana ianya terhasil daripada pengaruh Falsafah Greek ke dalam dunia Islam dan dalam masa yang sama disebabkan faktor narasi ayat-ayat al-Qur'an sendiri yang mendorong lahirnya perbezaan pentafsiran. Dapat dilihat, dalam al-Quran mesej beretika kebiasaannya menyelit isyarat-isyarat yang menuntut pentafsiran dan renungan oleh manusia. Etika Islam turut mempunyai jangkaan yang lebih jauh ke hadapan dengan dua (2) ciri utama. Pertama, etika Islam tidak menentang fitrah manusia. Kedua, etika Islam adalah sesuatu yang rasionalistik (Amin, 2002).

Rafik (1998), telah menggariskan beberapa ringkasan parameter asas bagi sistem etika Islam iaitu:

- a) Perbuatan dan keputusan dinilai sebagai etika bergantung pada niat individu. Sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui niat kita secara menyeluruh.
- b) Niat yang baik diikuti dengan perbuatan yang baik dikira sebagai amal ibadah. Niat yang halal tidak boleh menjadikan yang haram sebagai halal.
- c) Islam memberikan seseorang itu kebebasan untuk mempercayai dan berbuat Sesuatu yang ia kehendaki; tetapi ini tidak boleh melampaui batas-batas tanggungjawab dan keadilan.
- d) Percaya kepada Allah SWT memberikan individu kebebasan sepenuhnya daripada segala benda atau manusia kecuali Allah SWT.
- e) Keputusan yang menguntungkan majoriti atau minoriti tidak semestinya merupakan etika. Etika bukanlah sesuatu yang berkaitan dengan nombor atau jumlah.
- f) Islam menggunakan sistem pendekatan yang terbuka terhadap etika bukan sistem tertutup atau *self-oriented*. Egoisme tidak ada tempat di dalam Islam.
- g) Etika keputusan adalah berdasarkan pada pembacaan Al-Quran dan alam sejagat secara serentak.
- h) Tidak seperti sistem-sistem etika yang dianjurkan oleh kebanyakan agama lain, Islam menggalakkan manusia untuk melaksanakan tazkiyah melalui penyertaan yang aktif dalam kehidupan ini. Dengan menepati etika dalam mengharungi ujian dunia, seorang Muslim dapat membuktikan ketaatannya kepada Allah SWT.

Dalam mengkaji berkaitan tentang etika kerja kebiasaannya akan dikaitkan dengan organisasi. Salah satu organisasi yang dilihat penting kepada masyarakat iaitu organisasi media. Hal ini kerana ketetapan berita haruslah mendapat kebenaran. Ini kerana jika melihat daripada sudut Islam, etika kerja mestilah memainkan peranan yang penting bagi membuatkan masyarakat mempercayai ketetapan sesuatu isu. Firman Allah S.W.T.:

*Maksudnya “....(dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan dia tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan... ”(Surah al-Baqarah, 2:185).*

Dalam membincangkan tentang wartawan dan etika kerja terutamanya dari sudut perspektif Islam menurut Nik Yusri (2009), salah satu sifat yang perlu dimiliki wartawan iaitu perlulah mempunyai etika kerja yang bersifat jujur dan berpergi laku sebagaimana yang digariskan mengikut hukum al- Qur'an dan al-Hadith. Pernyataan ini sama seperti yang dinyatakan oleh Mus Chairil dan Faridah (1997) bahawa beberapa garis panduan dalam kod etika kewartawanan juga menekankan kepada keadilan, amanah dan kejujuran. Garis panduan ini memberikan impak yang besar agar wartawan bertugas dengan cara profesional.

Untuk memenuhi keperluan inilah Institut Akhbar Malaysia, yang dianggotai 35 pertubuhan media massa di Malaysia, mengambil inisiatif untuk mewujudkan suatu etika yang sesuai bagi kaum wartawan Malaysia. Ketika menyusun inisiatif kandungan etika tersebut Jawatankuasa Penggubal Etika Kewartawanan Malaysia, yang dianggotai oleh ketua-ketua pengarang media Malaysia, cetak dan elektronik, telah mengkaji beberapa jenis etika kewartawanan yang digunakan di Amerika Syarikat, Jepun, Republik Korea, Filipina dan di Indonesia. Hasil daripada kajian tersebut terlaksanalah satu etika yang menjadi panduan kepada wartawan di Malaysia. Inisiatif Etika Kewartawanan di Malaysia merangkumi prinsip etika seperti:

- a) Tugas utama wartawan adalah melaporkan kebenaran dan menghormati hak orang ramai untuk mendapat maklumat yang benar;
- b) Dalam melaksanakan tugas ini dia menghayati kebebasan memungut dan menyiaran berita secara jujur serta berhak membuat ulasan dan kritik yang saksama;
- c) Wartawan hendaklah menggunakan cara yang wajar untuk mendapatkan berita, gambar/filem dan dokumen;
- d) Sebarang maklumat tersiar yang didapati tidak benar hendaklah diperbetulkan;
- e) Wartawan hendaklah menghormati kerahsiaan sumber berita;
- f) Wartawan hendaklah berbudi pekerti ketika menjalankan tugas dan mengelakkan diri daripada plagiarisme dan hasutan, tuduhan tidak berasas serta rasuah dalam apa bentuk sekalipun;
- g) Wartawan hendaklah menghindari siaran berita rencana yang bersifat perkauman, melampau dan bertentangan dengan tatasusila masyarakat majmuk Malaysia;
- h) Wartawan hendaklah memahami undang-undang dan peraturan negara yang berkaitan secara langsung dengan profesi mereka.

Manakala Kod Etika Kewartawanan yang dilancarkan pada 20 Mei 1989 oleh Institusi Akhbar Malaysia (MPI) dan Persatuan Editor Akhbar (ONE) pula dikatakan lebih memberi penumpuan kepada kod etika kewartawanan Islam. Berdasarkan kepada kod etika kewartawanan Malaysia dan juga kod kewartawanan yang sedia ada, maka terdapat beberapa perkara perlu dikemukakan sekiranya perlu membina kod etika kewartawanan Islam. Antara;

- a) Bertakwa dan takut kepada Allah S.W.T. dalam setiap khabar berita yang diberi ulasan serta perlu menjaga akhlak peribadi dengan akhlak dan adab-adab Islam.

- b) Bersifat amanah pada diri dan masyarakat dengan menyiaran kebenaran dan khabar berita yang berfaedah serta membuat kajian yang terperinci sebelum disebarluaskan setiap khabar berita yang diterima.
- c) Menjadikan dakwah sebagai matlamat utamanya bukan hanya mendapatkan keuntungan semata-mata. Dengan cara menghubungkan isu-isu dan berita yang ditulisnya dengan dakwah kepada Allah S.W.T agar manusia mengetahui bahawa agama Allah S.W.T atau risalah Islam itu meliputi seluruh bidang kehidupan.
- d) Berusaha menolak segala pembohongan/penulisan serta pemikiran yang menyesatkan serta mengembalikan mereka kepada Allah S.W.T. kerana itulah satu-satunya jalan yang memberi kebahagian kepada manusia.

Kajian yang dilakukan Muhamad Asyraf, Khairul Azhar dan Rushdi (2013) Sering kali juga berlaku laman-laman media terutama di media sosial yang berkaitan dakwah menggunakan hadis-hadis palsu dan tidak menyelidiki sesebuah berita mahupun sumber bagi sesebuah kenyataan yang diterima sebaliknya terus disiarkan dan gejala “copy and paste” ini amat berbahaya. Sebaiknya adalah berita dan maklumat itu ditapis dan disaring terlebih dahulu dalam memastikan keabsahan sumber dan tidak tersilap seperti mana firman Allah,

*Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga membuatkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*(Surah al-Hujurat, ayat 6).

Maka hendaklah etika dan disiplin dalam ilmu agama seperti ilmu al-Qur'an dan ilmu hadis dipatuhi dalam penyampaiannya menerusi dakwah siber kerana ia merupakan satu kepentingan dalam prinsip dakwah dalam menyebarkan seruan dan suruhan yang benar dan menolak segala bentuk kebatilan dan kepalsuan.

Menurut Abdul Ghani (1995), mengikut kaca mata Islam, pena yang paling mulia adalah pena yang mencoretkan kebenaran dan suratan takdir untuk seluruh alam termasuk dunia dan manusia. tetapi semasa pengamatan beliau sebagai pengkaji yang terlibat dalam bidang kewartawanan menyatakan pihak industri media di Malaysia tidak gemar meletakkan etika kewartawanan sebagai sesuatu yang wajib dipatuhi.

Noor Adzrah, Suria Hani dan Fauziah (2012), kerjaya dalam bidang kewartawanan kini dianggap sebagai salah satu kerjaya popular kerana ramai beranggapan profesion ini paling hampir dengan golongan kenamaan dan keistimewaan mendapat maklumat lebih awal berbanding orang lain. Namun begitu tidak ramai menyedari bahawa tugas seorang wartawan itu sebenarnya mirip kepada tugas pendakwah, iaitu menyampaikan kebenaran. Ini kerana segala urusan kerjaya sehari-hari seorang wartawan merupakan misi yang sarat dengan usaha membaiki, menyedar dan menyelamatkan masyarakat.

Sudah pasti etika kerja wartawan yang bertanggungjawab kepada Allah, diri sendiri dan masyarakat akan membawa hasil yang baik sekiranya tugas melapor dan menyebarkan maklumat ini dilaksanakan dengan baik dan tertumpu ke arah mencari keredhaan Allah SWT semata-mata. Tidak kira apa pun bentuk perkembangan yang dialami manusia sejagat, sifat murni serta etika hidup yang betul harus tetap di dokong dan diamalkan. Konsep komunikasi merupakan sebahagian daripada ajaran Islam, merangkumi perhubungan antara hamba dengan Penciptanya, iaitu Allah SWT, hubungan antara manusia dengan manusia sama ada sesama Islam atau dengan bukan Islam serta hubungan dengan alam.

Secekap mana pun kemahiran seseorang wartawan itu mendapatkan maklumat dan menulis berita, dia masih dianggap tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi sekiranya gagal mengkelaskan informasi dan tidak belajar menapis dan mencari maklumat yang benar-benar bernilai dari sudut kewartawanan (Faridah, 2000).

Berbeza pula dengan pandangan popular menurut tuntutan kapitalisme, akhbar dan majalah perlu dijual bagi tujuan untuk meraih keuntungan sehingga mereka mengabaikan etika kerja dari segi bentuk dan penonjolan sesuatu berita sama ada membina atau meruntuhkan. Bagi mereka keuntungan dan populariti lebih penting daripada menjaga etika kerja tersebut (Nik Yusri, 2009).

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian adalah kuantitatif dan kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah tinjauan (borang soal selidik). Sampel kajian adalah seramai 221 orang responden yang terdiri daripada masyarakat di sekitar negeri Kedah. Cara pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak ringkas atau *Simple Random Sampling*. Instrumen dalam kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian-kajian lepas mengikut kesesuaian kajian yang mengambil kira pemboleh ubah pemahaman etika kerja Islam dan kepuasan kerja. Pemprosesan data dilakukan dengan komputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* atau SPSS versi 19.0 untuk mencari jawapan deskriptif yang dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk mencari kekerapan dan peratus.

## HASIL KAJIAN

### TAHAP PEMAHAMAN ETIKA KERJA ISLAM

Hasil kajian mengenai tahap pemahaman etika kerja Islam di kalangan wartawan berdasarkan persepsi masyarakat menunjukkan kebanyakan mereka menyatakan tahap pemahaman wartawan di media arus perdana (46.6%) dan alternatif (66.1%) mengenai etika kerja Islam berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan kebanyakan wartawan baik daripada arus perdana mahupun alternatif

masih ada lagi yang tidak memahami konsep kod etika kerja yang berlandaskan Islam. Maklumat tahap etika kerja Islam di Jadual 1.

**Jadual 1: Peratusan Tahap Pemahaman Responden Terhadap Etika Kerja Islam di Kalangan Wartawan (n = 221)**

Jenis Media	Rendah	Sederhana	Tinggi
	%	%	%
Media Arus Perdana	21.3	46.6	32.1
Media Alternatif	0	66.1	33.9

### **TAHAP KEPUASAN KERJA**

Hasil kajian bagi tahap kepuasan responden terhadap etika kerja Islam yang diamalkan oleh wartawan dalam menyampaikan sesuatu berita menunjukkan kebanyakan responden lebih mempercayai paparan yang disampaikan oleh media alternatif (60.6%) berbanding media arus perdana di mana responden menyatakan tahap yang sederhana (66.5%) untuk dipercayai. Maklumat tahap kepuasan kerja ditunjukkan di Jadual 2.

**Jadual 2: Peratusan Tahap Kepuasan Responden Terhadap Wartawan (n = 221)**

Jenis Media	Rendah	Sederhana	Tinggi
	%	%	%
Media Arus Perdana	16.3	66.5	17.2
Media Alternatif	0	39.4	60.6

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada hasil kajian dapatlah dibincangkan bahawa tahap pemahaman mengenai etika kerja Islam di kalangan wartawan media arus perdana dan alternatif berada pada tahap yang sederhana. Dapatkan ini menyokong isu-isu kini, di mana tohahan dan aduan mengenai reputasi wartawan sering menjadi topik persoalan kerana wartawan kini menjadi bahan permainan sesetengah pihak di samping sifat tamak untuk meraih keuntungan dan populariti sehingga mengabaikan etika kerja (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012). Berbanding dengan kewartawanan terdahulu sebelum mencapai kemerdekaan, ramai wartawan yang betul-betul tawaduk dan sentiasa menyampaikan berita yang benar bukan mementingkan keuntungan atau populariti semata-mata (Zulkiple & Mahasin, 2011). Hal ini menurut Zulkiple dan

Mahasin (2011) pada masa kini wartawan di kalangan Islam kebanyakan bukan di kalangan mereka yang mendalami ilmu agama atau bergelar ulama berbanding wartawan terdahulu.

Walaupun kod etika kewartawanan digariskan yang kebanyakan berlandaskan Islam (Muschairal) ditambah dengan kod etika kewartawanan Islam (Nik Yusri, 2009) namun kebanyakan pihak industri media di Malaysia tidak gemar meletakkan etika kewartawanan sebagai sesuatu wajib di patuhi (Abd Ghani, 1995). Dapatlah dirumuskan bahawa wartawan kini lebih cenderung kepada kapitalisme di mana lebih mementingkan keuntungan dan populariti berita daripada menjaga etika kerja (Nik Yusri, 2009). Jika tidak dibendung dengan pemahaman etika kerja Islam ia akan menjurus kepada menanggung dosa kerana menyebarkan sesuatu yang palsu tanpa kebenaran.

Manakala dari segi perbincangan mengenai tahap kepuasan responden terhadap berita yang disampaikan oleh media arus perdana dan alternatif menunjukkan responden menyatakan berita yang disampaikan oleh media alternatif lebih dipercayai berbanding arus perdana yang menunjukkan tahap yang sederhana. Hal ini disebabkan berita yang disebarluaskan mengikut kod etika kewartawanan (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012) yang menapis dahulu dan mengkaji kesahihan berita tersebut sebelum dipaparkan kepada umum di samping takutnya mereka kepada Allah S.W.T kerana sesuatu berita yang dipaparkan jika tidak sah kandungannya akan menyebabkan mereka akan menanggung dosa kerana wartawan juga dianggap seorang pendakwah dalam menyebarkan maklumat (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012).

Jika dilihat pada media arus perdana berada pada tahap kepuasan yang sederhana, ini menunjukkan sesetengah media dipergunakan oleh sesetengah pihak bagi meraih keuntungan dan populariti (Nor Adzrah, Suria Hani & Fauziah, 2012; Abdul Ghani, 1995) bukannya bertujuan untuk mencari kebenaran seperti mana yang dituntut oleh Islam. Dapatlah dirumuskan bahawa media alternatif harus mengekalkan bekalan berita yang sentiasa sahih untuk masyarakat dan sentiasa mengikut kod etika kewartawanan yang lebih mirip kepada ke arah Islam. Begitu juga media arus perdana dalam untuk memberi kepercayaan kepada masyarakat wartawan perlunya sentiasa membekal maklumat yang benar, telus, amanah dan mengembalikan balik kepercayaan masyarakat terhadap media tersebut dan sentiasa berpegang kepada prinsip etika kerja yang berlandaskan Islam.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini melibatkan sampel daripada masyarakat di sekitar negeri Kedah yang merangkumi seramai 221 orang responden. Hasil dapatan kajian berdasarkan persepsi masyarakat terhadap tahap pemahaman mengenai etika kerja Islam di kalangan wartawan media arus perdana dan alternatif tidak menunjukkan

perbezaan di mana responden menyatakan tahap yang sederhana. Namun dari sudut tahap kepuasan responden terhadap wartawan media arus perdana dan alternatif menunjukkan responden menyatakan tahap kepuasan yang tinggi terhadap etika kerja di kalangan wartawan Islam media alternatif berbanding media arus perdana responden menyatakan tahap etika kerja di kalangan wartawan tersebut masih berada di tahap yang sederhana.

Secara rumusannya dapatlah disimpulkan bahawa pihak atasan daripada media arus perdana dan alternatif haruslah peka dengan keadaan ini di mana dilihat kepada dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman terhadap perlaksanaan etika kerja Islam di kalangan wartawan Islam media arus perdana dan alternatif berada di tahap sederhana. Pihak tersebut perlulah membuka lembaran sejarah terdahulu di mana lahirnya wartawan sebelum merdeka kebanyakannya mereka memaparkan berita yang benar kerana pemahaman mereka tentang etika kerja kerana Allah S.W.T. semata-mata bukannya bertujuan untuk meraih populariti dan keuntungan sehingga mengabaikan etika kerja yang sebenarnya. Begitu juga tahap kepuasan responden terhadap wartawan Islam media arus perdana terutamanya menunjukkan tahap sederhana. Jika dibiarkan ianya akan menyebabkan kerugian kepada premis kerana amalan kerja amat penting dalam Islam untuk menarik pelanggan dan meningkatkan lagi kebolehpercayaan masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan di samping mereka perlulah sentiasa berpegang kepada konsep Islam.

## **BIODATA PENULIS**

*Mohamad Khadafi Hj Rofie* adalah pensyarah kanan (Dr.) di Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakarannya adalah etika kerja Islam, media dan Islam.

*Zainal Md Zan* adalah pensyarah kanan (Dr.) di Pusat Pengajian Kerajaan Kolej Kerajaan, Undang-Undang dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakarannya adalah local agenda dan pembangunan mampan.

*Mohd Hilmi Hamzah* adalah pelajar PhD Pengurusan Pembangunan di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Kerajaan, Undang-Undang dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Berpengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan perundingan di bidang komunikasi, politik, kerajaan tempatan dan teknologi maklumat.

*Kamarudin Ngah* adalah Profesor di Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Kerajaan, Undang-Undang dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Aktif dalam penyelidikan, perundingan dan penerbitan dalam bidang kerajaan tempatan, pembangunan bandar dan wilayah, penilaian polisi dan pembangunan komuniti.

*Shukri Ahmad* adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Bidang kepakarannya adalah etika kerja Islam, media dan Islam.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:185.
- Al-Qur'an, Surah al-Hujurat, ayat 6).
- Abdul Ghani Shamsudin (1995). *Penulisan dan etika penulisan Islam*. Seminar Kewartawanan Islam Nusantara, Anjuran Kerajaan Negeri Terengganu dan Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM), 10 Jun, 1995.
- Amin Abdullah, 2002). *Antara Al-Ghazali dan Kant: Filsafat Etika Islam*. Bandung: Mizan.
- Faridah Ibrahim, (2003) Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia: Antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri. *Malaysian Journal of Communication*, 19 . pp. 59-78.
- Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. 2000. *Etika kewartawanan*. Subang Jaya: FAR Publishers.
- H.M. Tuah Iskandar (1997). *Mengislamisasikan komunikasi warta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- INTAN (1991). Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Mashitah Ibrahim (2009). Wartawan Islam adalah seorang pendidik, pendakwah dan pemimpin. *Mstar Online*. Atas talian [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my)
- Muhamad Asyraf Ahmad Termimi, Khairul Azhar Meeranghani & Rushdi Ramli (2013). Dakwah siber: Etika dan akhlak. *Isu-Isu Dakwah Semasa*, ms 455-472.
- Mus Chairil Samani & Faridah Ibrahim (1997). *Diskusi etika kewartawanan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Yusri Musa (2009). *Konsep dan etika kewartawanan menurut Islam*. Dlm. *Komunikasi di Malaysia suatu penelitian awal pendekatan Islam Hadhari*. Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Adzrah Ramlee, Suria Hani A. Rahman & Fauziah Hassan (2012). *Wartawan sebagai pendakwah dan pembangun ummah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rafik Issa Beekum. 1998. *Islamic business ethics*. Petaling Jaya: The International Institute Though Malaysia.

Shukri Ahmad dan Razali Mat Zin.(2001). *Adab dan etika kerja dalam organisasi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Zulkiple Abd. Ghani (2010). *Dakwah dalam era siber di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

Zulkiple Abd Ghani & Mahasin Saja @ Mearaj (2011). *Ulama dan kewartawanan: Kajian terhadap Tok Kenali*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.